



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

STATISTIK GUNA TENAGA, MALAYSIA SUKU TAHUN KETIGA 2024

Permintaan buruh di Malaysia menunjukkan trend tahun ke tahun yang positif, merekodkan sejumlah 9.01 juta jawatan pada suku tahun ketiga 2024

PUTRAJAYA, 14 NOVEMBER 2024 – Permintaan buruh di Malaysia menunjukkan trend tahun ke tahun yang positif, merekodkan sejumlah 9.01 juta jawatan pada suku tahun ketiga 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan dalam penerbitan **Statistik Guna Tenaga, Suku Tahun Ketiga 2024** pada hari ini. Statistik yang diterbitkan dalam laporan ini adalah berdasarkan Survei Guna Tenaga yang dilaksanakan ke atas syarikat perniagaan berdaftar dalam sektor swasta. Laporan ini membentangkan statistik permintaan buruh merangkumi indikator bilangan jawatan, jawatan diisi, kekosongan jawatan dan pewujudan jawatan mengikut kategori kemahiran dan aktiviti ekonomi.

Dalam kenyataan pada hari ini, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mengulas, “Permintaan buruh negara pada suku tahun ketiga 2024 kekal menggalakkan, dengan peningkatan berterusan jumlah jawatan sebanyak 1.2 peratus tahun ke tahun, menjadikan sejumlah 9.01 juta jawatan. Sebagai rekod, ini merupakan bilangan tertinggi yang pernah dicatatkan sejak 2018. Ini adalah selari dengan kadar pengangguran perlahan sebanyak 3.2 peratus seperti yang dilaporkan dalam Statistik Tenaga Buruh, Suku Tahun Ketiga 2024. Selain itu, bilangan jawatan diisi juga meningkat sebanyak 1.2 peratus, mencapai 8.82 juta jawatan (ST3 2023: 8.71 juta) dengan kadar jawatan diisi kekal tinggi pada 97.9 peratus. Sementara itu, kekosongan jawatan meningkat sebanyak 0.4 peratus, dengan sejumlah 191.8 ribu (ST3 2023: 190.9 ribu) dengan kadar kekosongan sebanyak 2.1 peratus. Bilangan pewujudan jawatan pada suku tahun ini menunjukkan penurunan sebanyak 0.6 peratus, dengan 31.8 ribu jawatan baharu, berbanding 32.0 ribu pada ST3 2023.

Trend peningkatan yang konsisten bagi bilangan jawatan diisi menggambarkan perkembangan yang berterusan dalam ekonomi semasa. Kestabilan ini juga digambarkan dengan pertumbuhan positif tahun ke tahun jawatan diisi bagi semua

sektor ekonomi. Sektor Pertanian mencatatkan pertumbuhan tertinggi pada kadar 1.8 peratus, diikuti oleh Perkhidmatan dan Pembuatan masing-masing dengan kadar 1.6 peratus dan 1.0 peratus. Bagi perincian jawatan diisi mengikut sektor ekonomi, sektor Perkhidmatan mendahului dengan 4.65 juta jawatan atau bersamaan dengan 52.7 peratus, diikuti oleh Pembuatan (2.38 juta; 27.0%) dan Pembinaan (1.24 juta; 14.1%). Mengikut kategori kemahiran, majoriti jawatan diisi adalah dalam kategori separuh mahir, merangkumi 5.53 juta jawatan (62.7%), diikuti oleh kategori mahir dengan 2.21 juta jawatan (25.0%), dan kategori berkemahiran rendah dengan 1.09 juta jawatan (12.3%).”

Mengulas mengenai kekosongan jawatan, Ketua Perangkawan menyatakan bahawa terdapat 191.8 ribu kekosongan jawatan dalam sektor ekonomi pada suku tahun ini, dengan peningkatan sebanyak 0.4 peratus berbanding suku tahun ketiga 2023 (190.9 ribu). Mengikut sektor ekonomi, sektor Pembuatan mengekalkan kedudukannya sebagai penyumbang utama bagi kekosongan jawatan, mencatatkan 109.1 ribu kekosongan (56.9%), dengan subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal menyumbang 33.8 ribu kekosongan. Seterusnya, diikuti oleh sektor Pertanian dan Pembinaan dengan masing-masing mencatatkan 32.0 ribu kekosongan (16.7%) dan 25.4 ribu kekosongan (13.2%). Berdasarkan pecahan kekosongan jawatan mengikut kategori kemahiran, kategori separuh mahir menyumbang peratusan terbesar sebanyak 55.9 peratus dengan 107.1 ribu kekosongan, diikuti oleh kategori mahir sebanyak 24.8 peratus (47.5 ribu) dan kategori berkemahiran rendah sebanyak 19.3 peratus (37.2 ribu).

Pada suku tahun ini, Malaysia merekodkan 31.8 ribu jawatan baharu untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat dari pelbagai sektor ekonomi, menurun sedikit berbanding 32.0 ribu jawatan pada suku yang sama tahun lepas. Berdasarkan jumlah keseluruhan pewujudan jawatan, kategori separuh mahir mencatatkan peratusan terbesar iaitu sebanyak 63.3 peratus (20.1 ribu), diikuti oleh mahir (26.4%; 8.4 ribu) dan berkemahiran rendah (10.3%; 3.3 ribu). Selain itu, sektor Perkhidmatan merupakan penyumbang utama berbanding dengan sektor ekonomi lain, dengan 15.7 ribu jawatan (49.5%), terutamanya dalam subsektor Perdagangan borong dan runcit dengan 9.0 ribu pewujudan jawatan. Di samping itu, sektor Pembuatan menyumbang 10.9 ribu jawatan baharu (34.4%), terutamanya dalam subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal yang mencatatkan 4.0 ribu jawatan. Sektor Pembinaan menyumbang 3.7 ribu jawatan baharu (11.5%).


Merumuskan kenyataannya mengenai penerbitan pada hari ini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa permintaan buruh dijangka kekal stabil sepanjang tahun, disokong oleh pertumbuhan ekonomi dan perkembangan aktiviti perniagaan yang menggalakkan. Beliau juga menyatakan bahawa peningkatan sebanyak 2.9 peratus dalam bilangan penduduk bekerja yang dilaporkan dalam Statistik Tenaga Buruh, Suku Tahun Ketiga 2024 dan kenaikan sebanyak 1.7 peratus tahun ke tahun dalam bilangan pekerja dalam sektor Perkhidmatan yang dilaporkan dalam Statistik

Perkhidmatan Suku Tahunan, Suku Tahun Ketiga 2024, adalah selari dengan perkembangan aktiviti ekonomi yang mendorong kepada momentum positif ini. Sehubungan itu, pasaran buruh Malaysia dijangka kekal memberangsangkan dengan perkembangan berterusan dalam aktiviti ekonomi dan perniagaan, yang mencipta lebih banyak peluang pekerjaan dan pendapatan dalam ekonomi, seterusnya membawa kepada penyertaan tenaga buruh yang lebih tinggi dalam pasaran.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Paparan 1: Statistik Guna Tenaga, ST3 2021 – ST3 2024



Paparan 2: Permintaan Buruh mengikut Kemahiran, ST3 2024



Paparan 3: Permintaan Buruh mengikut Sektor Ekonomi, ST3 2024
(% Sumbangan)



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
14 NOVEMBER 2024